



TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PROGRAM MESRA BERSAMA BEKAS TENTERA ISNIN, 1 OGOS 2022

PENDAHULUAN

- Alhamdulillah dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua, kita dapat menyambut **Hari Pahlawan** bagi tahun 2022 sebagai warga sebuah negara yang merdeka, berdaulat, demokratik, aman dan makmur.
- Kita berkumpul pada hari ini dengan penuh rasa bangga untuk menyatakan rasa terima kasih dan rasa syukur yang tidak terhingga atas pengorbanan dan sumbangan anda dan keluarga anda mempertahankan tanah air, di segenap pelosok negara, dan di pos-pos di seluruh dunia.
- Setiap tahun negara menyambut Hari Pahlawan pada **tanggal keramat 31 Julai** sempena pengisytiharan tamatnya darurat pada tahun 1960. Hari Pahlawan disambut bertujuan untuk **memperingati dan menghargai** pengorbanan anggota pasukan pertahanan dan pasukan keselamatan yang mengabdiakan jiwa raga mereka berkhidmat dan berbakti untuk nusa dan negara. Kita

tidak mungkin lupa banyak jiwa terkorban di medan perang demi mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman musuh.

- Ini menunjukkan kepada kita semua bahawa **nikmat kebebasan yang kita nikmati hari ini bukanlah percuma** tetapi hasil perjuangan para pejuang terdahulu yang setia dan rela berkorban demi negara. Menginsafi perkara ini, kita semua berterima kasih kepada para pejuang yang masih hidup dan yang telah pergi kerana dengan perjuangan mereka, kita dapat **mengenal erti sebuah kebebasan dan kedaulatan sebuah sebuah negara.**
- Menelusuri sejarah panjang peranan pasukan pertahanan terhadap keselamatan negara, kekuatan pasukan pertahanan tidak pernah pudar malah semakin kuat dan mantap mendepani cabaran masa kini. Musuh negara tidak lagi mengangkat senjata tetapi dalam pelbagai bentuk ancaman dari dalam dan luar negara. Tanpa kekuatan pasukan pertahanan, negara terdedah dengan pelbagai ancaman.
- Berdirinya saya di sini untuk memberi penghormatan dan salut kepada bekas anggota tentera kerana telah mencurahkan khidmat bakti tanpa rasa lelah demi menjaga kedaulatan negara.

CABARAN PASCA COVID19

- Umum mengetahui, kita sedang menghadapi satu **era ketidaktentuan ekonomi** di peringkat global akibat ketegangan geopolitik dan perubahan iklim dunia telah menjelaskan rantai makanan global. Di sesetengah negara, eksport dicatut kerana penghasilan mengalami penurunan mendadak. Akibatnya, harga

makanan global meningkat lebih 30 peratus.

- Dalam konteks negara kita, jumlah rakyat terus meningkat, permintaan makanan asas seperti ayam, telur dan beras juga terus meningkat namun pengeluaran makanan daripada penternak dan peladang statik (*stagnant*) di paras yang sama, menunjukkan (*supply and demand chain*) yang tidak seimbang. Jelas, kita tidak boleh terus bergantung terus menerus (*economic dependence*) dengan eksport makanan daripada luar, **sebaliknya kita harus membina kekuatan sendiri dalam aspek sekuriti makanan dalam negara.**
- Kesan ekonomi akibat daripada pandemik Covid19 yang melanda dunia juga telah menyebabkan kemudharatan daripada segi pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, masalah kemiskinan dan inflasi yang tinggi.

PELAN PEMBANGUNAN PERAK SEJAHTERA

- Namun penghargaan ini tidak sekadar dengan memberi salut hormat sahaja, namun kerajaan negeri Perak terus mencari ruang dan peluang untuk mencipta kerjasama secara berterusan dengan golongan veteran.
- Umum mengetahui bahawa baru-baru ini saya telah melancarkan sebuah pelan jangka masa panjang sebagai sebuah hala tuju strategik negeri Perak. Pelan yang mendukung matlamat ‘Perak Makmur, Rakyat Sejahtera’, ini merupakan pelan pembangunan

yang mencerminkan aspirasi rakyat yang inginkan kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan.

- Dengan misi utama Perak Sejahtera iaitu untuk “Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan, Inklusif dan Dinamik” , pelan ini mengenal pasti enam (6) agenda utama, iaitu sekuriti makanan, ekonomi digital, pembuatan keputusan berpacukan data, perlombongan lestari, koridor TVET Malaysia dan tadbir urus projek berkepentingan negeri.
- Bagi menjulang nilai inklusif, Kerajaan Negeri turut melibatkan pihak veteran untuk menjayakan agenda utama ini terutamanya dalam sektor Sekuriti Makanan melalui galakan kepada veteran untuk menceburi bidang pertanian dengan menyertai program-program yang disediakan jabatan atau agensi berkaitan pertanian.
- Di samping itu, kita juga sedar akan keperluan untuk memberikan latihan *reskilling* dan *upskilling* bagi memastikan veteran tentera memperoleh kemahiran yang boleh membantu mereka, selepas bersara. Ini seiring dengan agenda utama untuk memperkasa Koridor TVET Malaysia di negeri Perak

PROGRAM FLAGSHIP

- Bukan setakat itu sahaja, pelan Perak Sejahtera juga memberi fokus untuk kepada tiga (3) sasaran, iaitu Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Politik telah ditetapkan dengan memfokuskan lima (5) prinsip yang memandu arah jentera Kerajaan Negeri menuju tahun 2030, iaitu keseimbangan pembangunan

fizikal dan sosioekonomi, kerjasama pintar, kelestarian penggunaan sumber dan alam semula jadi, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli serta kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi.

- **18 program Flagship** yang berdasarkan rakyat telah dikenal pasti sepanjang 129 libat urus saya bersama Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai tertinggi syarikat berkaitan kerajaan GLC negeri, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan kerajaan, pasukan keselamatan dan agensi.
- Kesemua 18 program ini bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada misi mensejahteraan rakyat, tetapi turut memberi nilai tambah kepada projek keutamaan yang akan diterajui agensi negeri dan persekutuan.

Flagship 1 - Lembah Bakul Makanan (Sekuriti Makanan)

Flagship 2 - Perumahan Sejahtera

Flagship 3 - Perlombongan Lestari

Flagship 4 - Koridor TVET Malaysia

Flagship 5 - Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Flagship 6 - Membasmi Miskin Tegar 2025

Flagship 7 - Program Menyantuni Golongan Rentan

Flagship 8 - Agenda Perak Sihat Sejahtera

Flagship 9 - Program Mesra Pelabur

Flagship 10 - Ekonomi Pengalaman

Flagship 11 - Ekonomi Digital Negeri Perak

Flagship 12 - Sumber Air dan Sumber Tenaga Boleh Baharu

Flagship 13 - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara

Flagship 14 - Pusat Kecemerlangan Balai Cerap Negara

Flagship 15 - Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027

Flagship 16 - SMART Perak

Flagship 17 - Komuniti Perak Sejahtera

Flagship 18 - Santuni Orang Asli

PERANAN VETERAN MENJAYAKAN PERAK SEJAHTERA

- Secara umum, setiap lapisan rakyat mempunyai peranan penting dalam menjayakan setiap agenda dalam Perak Sejahtera.
- Namun untuk hari ini, saya hendak menyentuh mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh veteran untuk menjayakan agenda **membina komuniti sejahtera** khususnya melalui beberapa program flagship yang sedang dan akan dilaksanakan.

Flagship Komuniti Perak Sejahtera

- Dilaksanakan melalui aktiviti berteraskan kesukarelawanan. Antara program yang telah dirancang ialah:

i) **Komuniti Rukun Tetangga**

Projek ini mewujudkan kesatuan dalam organisasi sedia ada dalam sesuatu kawasan. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga akan dilaksanakan bagi mengukuh semangat perpaduan, keharmonian, kerjasama, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat.

ii) Skuad Perak Sejahtera

penubuhan skuad ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawan dengan bertindak sebagai agen kerajaan di lapangan dalam melaksanakan kerja kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan. Skuad ini akan menjadi payung kepada pasukan sukarelawan sedia ada di negeri ini. Sukarelawan akan diperkasa melalui latihan yang bersesuaian untuk terus memberi khidmat bakti kepada masyarakat. Lebih menarik, skuad ini akan diwujudkan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

iii) Celik Negara

Dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai literasi demokrasi dalam aspek mendidik kematangan politik dalam kalangan belia yang menjadi tunjang kepada pembangunan negeri akan diberikan melalui projek ini. Projek ini turut mengambil peluang untuk memfokuskan elemen pendigitalan dengan memberi pendedahan terhadap kepentingan pengaplikasian media sosial untuk menghebahkan maklumat berkaitan negeri sejajar dengan matlamat pelan Perak Sejahtera 2030.

Program Flagship Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

- Program ini diadakan bagi menaik taraf kehidupan masyarakat daripada segi ekonomi dan sosial sekaligus mewujudkan peluang yang adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat.

- Program flagship ini menawarkan program berikut:

I. 1 Warga, 1 Skill;

Projek ini beriltizam untuk memperkasa latihan dalam bidang teknikal dan profesional supaya lebih ramai masyarakat menjadi pakar dalam pelbagai bidang dan menguasai kemahiran kerjaya masa hadapan.

II. 1 Keluarga, 1 Ijazah;

Projek ini bertujuan menggerakkan inisiatif menjadikan pendidikan sebagai kunci keluar daripada cengkaman kemiskinan. Pelbagai pendekatan akan dilaksanakan termasuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak dan memberi pendedahan bersasar kepada belia B40 mengikut kecenderungan dan minat.

III. 1 Keluarga, 1 Usahawan;

Projek ini menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya belia yang mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan atau pusat kemahiran tempatan bagi menaik taraf hidup dan ekonomi setempat.

IV. 1 Daerah, 1 Aktiviti Ekonomi;

Projek ini dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi yang dijalankan berdasarkan komuniti setempat. Ia boleh memberi manfaat langsung berdasarkan produk unik yang beridentiti sesebuah daerah di samping melonjakkan produk setempat

sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing.

V. 1 DUN, 1 Pusat Digital Ekonomi (PEDi).

Projek ini akan membuka peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi digital.

NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH

- Dalam rancangan projek berimpak tinggi di daerah-daerah di Perak, kerajaan negeri bercita-cita untuk melihat sebuah pembangunan yang saksama di antara daerah menjelang tahun 2020. Pembangunan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Ipoh atau Taiping sahaja, namun sehingga ke pelusuk kampung di negeri ini.
- Bagi mencapai matlamat ini, Perak Sejahtera 2030 telah menjenamakan semula potensi daerah menggunakan konsep niche:
 1. Daerah Hulu Kinta - Mengarusperdanakan Ekonomi Berteraskan Biodiversiti
 2. Daerah Kerian - Transformasi Jelapang Padi
 3. Daerah Larut Matang & Selama - Hab IKS Pintar
 4. Daerah Kinta - Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara
 5. Daerah Perak Tengah - Koridor TVET Malaysia
 6. Daerah Kuala Kangsar - Pelancongan DiRaja Global

7. Daerah Kampar - Ekopelancongan
8. Daerah Manjung - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara
9. Daerah Bagan Datuk - Persada Kelapa Dunia
10. Daerah Hilir Perak - Lembah AgroMakanan
11. Daerah Batang Padang - ASEAN Agrotech Distribution Centre
12. Daerah Mualim - Hab Inovasi Teknologi Automotif

PENUTUP

- Sesungguhnya, setiap perencanaan ini tidak akan boleh dilaksanakan tanpa kerjasama strategik yang wujud antara kerajaan negeri dan semua pihak. Saya yakin, kerajaan negeri dan persatuan veteran akan mengukuhkan lagi pelaksanaan di seluruh negeri.
- Saya mahukan Pelan yang merupakan karya dan buah idea rakyat Perak ini menjadi pemacu kepada sebuah negeri yang sejahtera dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Ini bukan lagi masa untuk kita bekerja secara silo, ini masa untuk kita bersama sebagai sebuah unit demi mencapai impian ini bersama seiring dengan nilai bersama yang kita garap di dalam pelan Perak Sejahtera iaitu Jujur, Bijaksana, Prihatin, Kebersamaan dan Tegas.
- Dan, kesemua ini, pastinya tidak akan dicapai oleh sekiranya kita tidak mempunyai kerajaan yang stabil dan kukuh.

